



## **KENYATAAN TENDER**

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

NO. TENDER : **E22/TDR/C&S/CU/2026-018**

TAJUK KERJA : **KERJA-KERJA PEMASANGAN 900MM DIAMETER REINFORCED PRECAST CONCRETE PIPE CULVERT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI LALUAN VBC 01, TANJUNG BUAI, SENAI-DESARU EXPRESSWAY (E22)**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di bawah bidang berikut:

**Kod Bidang Kerja**

**GRED** : **G1 hingga G4**

**KATEGORI** : **CE**

**PENGKHUSUSAN** : **Kejuruteraan Awam (CE21)**

3. Segala maklumat dan dokumen tender boleh diperoleh di **Unit Perolehan, Kompleks Pejabat Pentadbiran E22, 81800 Ulu Tiram** mulai **07hb Ogos 2026** hingga **21hb Ogos 2026**. Masa pembelian dokumen tender adalah pada hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 9:30 pagi hingga 12:00 tengah hari dan dari 2:30 petang hingga 4:00 petang.
4. Sila bawa dokumen yang berkaitan dan cop syarikat (company stamp) semasa pembelian tender. Pihak tuan/puan akan diminta mengemukakan sesalinan Sijil Pendaftaran SSM dan Sijil Pendaftaran CIDB semasa membuat pembelian Dokumen Tender bagi semakan kelayakan menyertai Tender.
5. Hanya pemilik syarikat yang berdaftar atau wakil yang diberi kuasa secara rasmi melalui Surat Wakil Kuasa yang sah dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender ini. Kegagalan tuan/puan mengemukakan dokumen yang diperlukan akan menyebabkan syarikat tidak layak untuk menyertai Tender ini.
6. Kontraktor yang ingin menyertai tender di atas adalah dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** sebagai bayaran senaskhah dokumen tender.
7. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Pihak Kontraktor diwajibkan untuk membuat lawatan tapak dengan menghubungi Ts. Mohd Syahrul Amin Yahya (013-719 5120) bagi tujuan penyelarasan lawatan tapak. Tarikh dan masa lawatan tapak akan dimaklumkan kemudian. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berkaitan Tender ini sila hubungi Unit Perolehan untuk keterangan lanjut.
8. **SILA AMBIL PERHATIAN**, kontraktor yang melaksanakan kerja di sepanjang jajaran Lebuhraya E22 hendaklah memiliki kad Expressway Operation Safety Passport (EOSP) daripada NIOSH.
9. Tender ini akan ditutup pada **24hb Ogos 2026 (Isnin)** di Kompleks Pejabat Pentadbiran, Lebuhraya Senai-Desaru, KM22, 81800, Ulu Tiram, Johor. Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari** pada hari tersebut.

MOHD SYAFIQ BIN MOHD ZAINI  
PENGURUS, JURUUKUR BAHAN  
UNIT PEROLEHAN, SDEB

